

Kesediaan Guru *One-Off* terhadap Aktiviti Peningkatan Profesionalisme Kendiri dalam Melaksanakan Program Pendidikan Inklusif untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas di Sekolah Rendah

(Readiness of One-Off Recruited Teachers for Self-Directed Professional Development Activities in Implementing Inclusive Education Programs for Students with Special Educational Needs in Primary School)

Nur Shamsiyah Hussein¹, Khairul Farhah Khairuddin^{1*}

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: kfk@ukm.edu.my

Received: 25 October 2024 | Accepted: 2 December 2024 | Published: 31 December 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.5.6>

Abstrak: *Kertas konsep ini meneliti kesediaan guru yang direkrut secara one-off untuk melibatkan diri dalam pembangunan profesional sendiri semasa melaksanakan Program Pendidikan Inklusif (PPI) bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) di sekolah rendah. Pengenalan PPI di Malaysia memberi peluang kepada MBPK untuk mengikuti pendidikan arus perdana. Namun, kejayaan PPI bergantung kepada kompetensi dan motivasi guru, terutamanya mereka yang baharu direkrut tanpa latihan berstruktur. Kajian ini mengenal pasti cabaran utama seperti kurangnya persediaan, sokongan teknikal yang tidak mencukupi, dan kesukaran dalam mengurus proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Walaupun pembangunan profesional adalah laluan untuk meningkatkan kompetensi guru, usaha sendiri sering terhalang oleh motivasi yang rendah dan kekurangan peluang kepimpinan. Berdasarkan analisis literatur, kertas konsep ini meneroka strategi untuk memperkukuh pembangunan profesional sendiri dan menekankan kepentingan sokongan pentadbiran serta penggunaan teknologi bantu bagi memastikan pelaksanaan PPI berjalan dengan berkesan. Cadangan dikemukakan kepada pembuat dasar, pentadbir sekolah, dan guru untuk membangunkan kerangka pembangunan profesional yang mampan, bagi membantu guru mengatasi cabaran dan memupuk inklusi bermakna. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan amalan PPI di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada kesediaan, motivasi, dan pertumbuhan profesional khususnya bagi guru lantikan secara one-off.*

Kata Kunci: Guru One-off, Kesediaan Guru, Murid Berkeperluan Pendidikan Khas, Pembangunan Profesional Kendiri, Program Pendidikan Inklusif

Abstract: *This concept paper examines the readiness of one-off recruited teachers to engage in self-directed professional development while implementing Inclusive Education Programs for students with special educational needs (SEN) in primary schools. The introduction of Malaysia's Zero Reject Policy provides access for MBPK to participate in mainstream education. However, the success of inclusive education heavily relies on teacher competence and motivation, especially among newly recruited teachers who may not receive adequate*

structured training. The study identifies key challenges, such as limited preparation, insufficient technical support, and the complexity of teaching and learning process in the classroom. Although professional development offers a path to improving teacher competency, self-directed efforts are often hindered by low motivation and a lack of leadership opportunities. This paper draws on relevant literature to explore strategies for enhancing self-directed professional development and highlights the importance of administrative support and assistive technology tools to enable effective inclusive practices. Recommendations are provided for policy makers, school administrators, and educators to design robust professional development frameworks that empower teachers to address these challenges and foster meaningful inclusion. The study aims to contribute to the improvement of inclusive education practices in Malaysia by focusing on teacher readiness, motivation, and professional growth especially for one-off recruited teachers.

Keywords: Inclusive Education, One-off Recruited, Self-Directed Professional Development, Special Educational Needs, Teachers, Teacher Readiness

1. Pendahuluan

Pendidikan inklusif semakin menjadi tumpuan dalam sistem pendidikan di seluruh dunia, mencerminkan komitmen terhadap kesaksamaan dan akses pendidikan untuk semua murid, termasuk individu yang mempunyai keperluan dalam pendidikan khas. Seiring dengan perkembangan antarabangsa, Malaysia telah memperkenalkan Polisi Zero Reject bagi memastikan tiada murid, tanpa mengira keupayaan, dinafikan hak untuk mengikuti pendidikan di sekolah arus perdana (Chin, 2020). Polisi ini bermatlamat untuk mengintegrasikan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) ke dalam sistem pendidikan arus perdana agar MBPK ini turut sama-sama dapat belajar dengan rakan sebaya mereka.

Guru *one-off* merujuk kepada pengambilan khas guru-guru yang dibuat sekali sahaja tetapi dengan jumlah yang besar dengan ditawarkan jawatan perkhidmatan gred DG41 (Portal Rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, 2022). Usaha ini merupakan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) bagi mengatasi jurang kekurangan guru. Kini, usaha untuk pengambilan guru ini masih berterusan dan ditukarkan menjadi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 Lantikan Secara *Contract of Service* (COS). Pengambilan Pegawai Perkhidmatan Lantikan Secara COS ini terbahagi kepada 2 pengambilan iaitu pengambilan bagi graduan pendidikan dan pengambilan bagi graduan bukan pendidikan (Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Bagi graduan bukan pendidikan, mereka wajib mengikuti Program Diploma Pasca Siswazah Pendidikan selama tiga semester di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Pembangunan profesional; khususnya melalui inisiatif sendiri, dilihat sebagai laluan kritikal bagi guru untuk memperkasa kompetensi mereka dalam menangani cabaran ini (Lan, 2022). Namun, kajian menunjukkan bahawa guru sering menghadapi halangan seperti kurangnya motivasi, kekangan dalam sokongan teknikal, dan peluang kepimpinan profesional yang terhad dalam melaksanakan aktiviti peningkatan profesionalisme sendiri (Ag-Ahmad et al., 2022). Tanpa sokongan yang mencukupi, polisi seperti Zero Reject mungkin tidak mencapai matlamatnya sepenuhnya (Rashid & Wong, 2022).

Kertas konsep ini bertujuan untuk meneliti kesediaan guru *one-off* dalam melibatkan diri dalam pembangunan profesional sendiri dan peranan mereka dalam melaksanakan Program Pendidikan Inklusif (PPI). Melalui kajian literatur dan analisis terhadap dasar serta amalan sedia ada, kertas konsep ini bertujuan mengenal pasti jurang dan peluang dalam persediaan guru dalam melaksanakan PPI. Akhirnya, kajian ini mengemukakan cadangan untuk kerangka pembangunan profesional yang lebih baik bagi membolehkan guru menyediakan persekitaran pembelajaran yang bermakna dan inklusif untuk MBPK di sekolah rendah di Malaysia.

2. Pernyataan Masalah

Program Pendidikan Inklusif (PPI) telah diperkenalkan secara meluas melalui Polisi Zero Reject di Malaysia, pelaksanaannya masih berhadapan dengan cabaran besar. Antara cabaran utama adalah kurangnya persediaan guru, terutamanya dalam kalangan guru *one-off* yang kurang mendapat latihan atau bimbingan khusus sebelum memulakan tugas (Faizy & Ahmad, 2023). Guru-guru ini sering berdepan dengan cabaran dalam merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran, dalam usaha bagi menyediakan pengalaman pembelajaran yang berkesan dan bermakna untuk MBPK.


Tambahan pula, guru di sekolah rendah mengalami tekanan dan kekangan motivasi dalam melibatkan diri dengan pembangunan profesional sendiri (Lan, 2022). Pembangunan profesional sendiri memerlukan komitmen dan sokongan yang mencukupi daripada pihak pentadbiran dan sistem pendidikan. Namun, guru sering tidak mempunyai akses kepada teknologi bantu dan sokongan teknikal yang diperlukan untuk mengatasi cabaran Program Pendidikan Inklusif (Istiyati et al., 2023).

Kajian juga menunjukkan bahawa kepimpinan guru dalam persekitaran PPI adalah kritikal bagi memastikan kejayaan program tersebut (Rosmalily & Woollard, 2019). Namun, guru sering menghadapi kekurangan peluang untuk membangunkan kepimpinan dan memperoleh sokongan pentadbiran (Ag-Ahmad et al., 2022). Ini menimbulkan kebimbangan mengenai keberkesanan polisi sedia ada dan keupayaan guru untuk memastikan MBPK mendapat manfaat sepenuhnya daripada pendidikan arus perdana.

Secara keseluruhannya, terdapat keperluan mendesak untuk menilai kesediaan guru *one-off* dalam melaksanakan PPI di sekolah rendah. Tanpa persediaan dan sokongan yang mencukupi, PPI mungkin gagal mencapai matlamat utamanya, iaitu memastikan kesetaraan akses pendidikan untuk semua murid (Chin, 2020). Oleh itu, kajian ini akan menumpukan pada usaha untuk memahami dan memperkukuh pembangunan profesional sendiri dalam kalangan guru *one-off*, dengan fokus pada cabaran, peluang, dan cadangan penyelesaian untuk PPI di Malaysia.

3. Metodologi Kajian

Rajah 1 menunjukkan Rajah PRISMA yang digunakan sebagai rujukan dalam proses pemilihan dan saringan artikel untuk kajian ini. Rajah ini menggambarkan setiap peringkat saringan secara terperinci, dari peringkat pengenalpastian artikel sehingga kemasukan akhir dalam ulasan literatur.



Rajah 1: Rajah PRISMA

Dalam kajian ini, pendekatan PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses) digunakan untuk memastikan proses pemilihan dan saringan artikel dilaksanakan secara sistematik dan telus. Carta alir PRISMA membantu mendokumentasikan setiap peringkat saringan artikel, bermula daripada pengenalpastian sehingga kemasukan akhir ke dalam ulasan literatur. Ini adalah langkah penting untuk memastikan bahawa artikel yang digunakan adalah relevan dan berkualiti, sejajar dengan objektif kajian untuk menilai kesediaan guru terhadap pembangunan profesional sendiri dalam melaksanakan pendidikan inklusif untuk murid berkeperluan khas.

Proses ini bermula dengan fasa Pengenalpastian, di mana pencarian literatur dijalankan menggunakan pangkalan data utama seperti Scopus dan Google Scholar. Dalam fasa ini, kata kunci seperti “pendidikan inklusif,” “keperluan pendidikan khas,” “kesediaan guru,” dan “pembangunan profesional sendiri” digunakan untuk memastikan pencarian yang menyeluruh.

Hasil daripada pencarian ini, sebanyak 100 rekod telah dikenalpasti daripada Scopus dan 225 rekod artikel telah dikenalpasti daripada Google Scholar. Sebelum saringan utama dimulakan, sebanyak 175 rekod telah dikeluarkan untuk memastikan hanya rekod yang relevan diteruskan. Pembuangan rekod ini melibatkan 75 rekod pendua yang dikenalpasti dan dikeluarkan, serta 100 rekod lain yang tidak memenuhi syarat asas seperti bahasa dan jenis dokumen yang sesuai. Tiada rekod yang dikeluarkan secara automatik oleh alat penapisan elektronik pada tahap ini, kerana semua rekod ditinjau secara manual untuk memastikan kesesuaian awal.

Seterusnya, fasa Saringan dilakukan terhadap 150 rekod yang tinggal. Pada peringkat ini, setiap rekod disaring berdasarkan tajuk dan abstrak untuk menentukan kesesuaiannya dengan objektif kajian. Hanya artikel yang secara jelas relevan dengan topik kajian – seperti pembangunan profesional sendiri dan pendidikan inklusif – yang diteruskan. Sebanyak 76 rekod dikeluarkan pada peringkat ini kerana tajuk dan abstrak mereka tidak menunjukkan hubungan langsung dengan fokus kajian, contohnya kajian yang tidak membincangkan pendidikan inklusif atau aspek profesionalisme guru. Akhirnya, sebanyak 74 artikel dipilih untuk penilaian teks penuh. Dalam fasa Kelayakan, sebanyak 74 artikel dalam bentuk teks penuh dinilai dengan lebih teliti berdasarkan kriteria inklusi dan eksklusi yang telah ditetapkan. Penilaian ini bertujuan memastikan setiap artikel benar-benar relevan dan menyumbang kepada objektif kajian. Namun, daripada 74 artikel ini, sebanyak 46 artikel tidak dapat diperoleh teks penuhnya kerana keterbatasan akses atau kekangan teknikal. Ini meninggalkan sejumlah 28 artikel untuk penilaian lanjut. Artikel-artikel ini dinilai dalam bentuk teks penuh, dan 14 lagi artikel dikeluarkan kerana kekurangan akses penuh atau kandungan yang tidak sesuai, seperti artikel yang tidak memberikan data atau analisis yang mendalam mengenai pembangunan profesional sendiri atau pendidikan inklusif.

Akhirnya, dalam fasa Kemasukan, sebanyak 14 artikel memenuhi semua kriteria yang telah ditetapkan dan dimasukkan dalam ulasan literatur. Artikel-artikel ini merangkumi kajian yang relevan dan berkualiti tinggi yang memberikan pandangan mendalam mengenai kesediaan guru dan kepentingan pembangunan profesional dalam konteks pendidikan inklusif untuk murid berkeperluan khas.

Secara keseluruhannya, penggunaan carta alir PRISMA membolehkan kajian ini melaksanakan proses pemilihan artikel secara sistematik dan telus. Setiap langkah didokumentasikan dengan jelas, menunjukkan bilangan rekod yang dikeluarkan dan sebab-sebab pengecualian pada setiap peringkat. Ini membantu meningkatkan kebolehpercayaan dan ketelusan kajian dengan memastikan hanya artikel yang berkualiti tinggi dan relevan dimasukkan dalam analisis akhir. Pendekatan ini juga memastikan bahawa ulasan literatur yang dijalankan benar-benar menyokong objektif kajian dan memberikan sumbangan yang bermakna kepada pemahaman mengenai peranan kesediaan guru dan pembangunan profesional dalam pendidikan inklusif.

4. Analisis Literatur

4.1 Polisi Zero Reject dan Program Pendidikan Inklusif (PPI) di Malaysia

Polisi Zero Reject di Malaysia telah memperkukuhkan usaha untuk memastikan MBPK tidak dikecualikan daripada pendidikan arus perdana (Chin, 2020). Pendekatan ini memadukan perspektif hak asasi dan perubahan, memberi peluang kepada MBPK untuk belajar bersama rakan sebaya mereka dalam suasana yang lebih inklusif (Othman et al., 2022). Namun, cabaran dalam melaksanakan polisi ini termasuklah kekurangan latihan khusus dan sokongan bagi guru dalam menyediakan Rancangan Pendidikan Individu (RPI), komponen penting dalam PPI (Rashid & Wong, 2022).

PPI di Malaysia menghadapi cabaran daripada aspek struktur sokongan dan kerjasama antara pihak berkepentingan (Alshoura, 2021). Kekurangan sumber dan data yang standard dalam sistem pendidikan khas menyulitkan usaha memperbaiki PPI secara menyeluruh. Begitu juga, kajian perbandingan antara Malaysia dan Thailand mendapati bahawa peraturan pendidikan untuk murid MBPK di Malaysia masih bersifat terpecah dan memerlukan reformasi yang lebih menyeluruh (Othman et al., 2022).

4.2 Kepimpinan Guru dan Pembangunan Profesional Kendiri

Kepimpinan guru adalah elemen penting dalam pelaksanaan PPI yang berjaya. Faizy dan Ahmad (2023) menegaskan bahawa guru yang mempunyai kepimpinan profesional lebih cenderung untuk menyelesaikan cabaran dalam pendidikan inklusif dengan lebih efektif. Model kepimpinan guru oleh Katzenmeyer dan Moller (2001) juga menyarankan bahawa pembangunan profesional sendiri memperkukuh motivasi dan keyakinan guru dalam mengurus bilik darjah inklusif.

Lan (2022) juga menggariskan bahawa motivasi memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pembangunan profesional sendiri. Apabila guru mempunyai motivasi yang tinggi, mereka lebih berkemampuan untuk menghadapi tekanan dan cabaran dalam melaksanakan amalan PPI. Kajian oleh Rosmalily dan Woollard (2019) mendapati bahawa pembangunan profesional berasaskan sekolah boleh meningkatkan kompetensi guru dan memupuk kerjasama antara guru dalam menangani cabaran pendidikan inklusif.

4.3 Cabaran dalam Pendidikan Inklusif di Malaysia dan Perbandingan Antarabangsa

Kajian oleh Istiyati et al. (2023) membandingkan amalan PPI di Malaysia dan Indonesia, mendapati bahawa Malaysia masih ketinggalan dari segi penggunaan teknologi bantu dan latihan guru secara berterusan. Di samping itu, guru di Malaysia sering kekurangan sokongan teknikal dan pentadbiran, menjadikan tugas mereka lebih mencabar (Ag-Ahmad et al., 2022).

Kajian oleh Lu, Jiang, dan Huang (2022) mengenai pendidikan bahasa di China menunjukkan bahawa latihan khusus dan penggunaan bahan pengajaran yang sesuai untuk MBPK boleh meningkatkan keberkesanan pengajaran. Ini boleh dijadikan rujukan bagi Malaysia dalam memperbaiki amalan PPI. Begitu juga, kajian di Slovenia mendapati bahawa hanya segelintir guru yang terlibat secara aktif dalam penyediaan RPI untuk murid mereka, menunjukkan keperluan untuk meningkatkan kesedaran dan latihan dalam kalangan guru (Ograjšek et al., 2022).

4.4 Keperluan Sokongan dan Pembaharuan Dasar

Kajian oleh Nasri et al. (2020) semasa pandemik COVID-19 mendapati bahawa guru perlu menguasai pengetahuan teknologi dan pedagogi bagi memastikan kesinambungan pembelajaran dalam situasi mencabar. Ini menunjukkan bahawa latihan berterusan adalah kritikal, terutamanya dalam konteks Program Pendidikan Inklusif. Wenning dan Vieyra (2020) turut menegaskan bahawa pembangunan profesional perlu berterusan bagi memastikan guru menjadi pelajar sepanjang hayat dan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dalam sistem pendidikan.

Kajian perbandingan oleh Othman et al. (2022) menekankan bahawa undang-undang dan peraturan pendidikan bagi MBPK di Malaysia masih perlu diperkukuh. Ini termasuk memastikan guru mendapat sokongan yang mencukupi untuk melaksanakan amalan PPI dengan berkesan.

5. Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan yang signifikan dalam beberapa aspek, terutamanya dalam pembangunan profesional guru, pelaksanaan PPI, dan pembentukan dasar pendidikan. Dalam konteks PPI di Malaysia, Polisi Zero Reject memerlukan lebih daripada sekadar kemasukan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) ke sekolah arus perdana. Ia juga menuntut guru yang berkualiti, kompeten, dan berdaya saing dalam melaksanakan PPI (Chin, 2020). Kajian ini menyumbang kepada usaha tersebut dengan memberi fokus kepada kesediaan guru *one-off* dalam mengadaptasi amalan profesionalisme sendiri bagi memenuhi keperluan murid MBPK.

Pembangunan profesional sendiri menjadi kunci kepada keberhasilan amalan pendidikan inklusif. Guru yang terlibat secara aktif dalam pembelajaran sendiri akan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dalam bilik darjah dan memastikan setiap murid mendapat peluang pembelajaran yang bermakna (Lan, 2022). Oleh itu, kajian ini memberi panduan penting kepada sekolah dan pihak pentadbiran untuk memperbaiki sistem sokongan kepada guru melalui latihan, bimbingan, dan peluang kepimpinan (Faizy & Ahmad, 2023).

Kajian ini juga memberikan implikasi langsung kepada pembuat dasar dalam merangka program pembangunan profesional yang berasaskan sekolah. Rosmalily dan Woollard (2019) mencadangkan bahawa suara guru perlu diberi perhatian dalam penyusunan program pembangunan profesional agar ia relevan dengan keperluan mereka. Dalam konteks Malaysia, sokongan teknikal dan teknologi bantu perlu ditingkatkan untuk memudahkan pelaksanaan PPI (Istiyati et al., 2023).

Selain itu, kajian ini berpotensi membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menilai keberkesanan Polisi Zero Reject dan membuat penambahbaikan terhadap pelaksanaannya (Othman et al., 2022). Dengan menyokong guru-guru dalam melibatkan diri dengan pembangunan profesional sendiri, KPM dapat memastikan pendidikan inklusif dilaksanakan dengan lebih berkesan dan mampan.

Akhirnya, kajian ini juga memberi sumbangan kepada bidang akademik dengan menyediakan asas bagi kajian lanjut dalam pembangunan profesional dan Program Pendidikan Inklusif di Malaysia dan rantau sekitarnya. Nasri et al. (2020) menekankan bahawa guru perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran terkini untuk menghadapi perubahan dalam sistem pendidikan, terutamanya dalam konteks pandemik dan situasi luar jangkaan.

6. Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan penemuan kajian ini, terdapat beberapa cadangan untuk kajian lanjut yang boleh memperkukuh amalan Program Pendidikan Inklusif (PPI) dan pembangunan profesional guru *one-off*. Pertama, kajian empirikal boleh dijalankan untuk menilai keberkesanan program pembangunan profesional sendiri dalam meningkatkan kompetensi guru, khususnya dalam konteks PPI. Kajian ini boleh melibatkan pelbagai peringkat sekolah dan kumpulan guru daripada latar belakang yang berbeza untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh.

Selain itu, penyelidikan lanjut boleh memberi tumpuan kepada strategi motivasi dan sokongan untuk membantu guru melaksanakan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) dengan lebih berkesan. Pentadbir sekolah dan pihak berkepentingan perlu memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan yang mencukupi untuk guru mencapai matlamat ini. Di samping

itu, kajian tentang penggunaan teknologi bantu dan inovasi dalam PPI amat diperlukan untuk mengenal pasti amalan terbaik dalam penggunaan teknologi di bilik darjah.

Kajian perbandingan antara sekolah rendah dan menengah juga boleh dijalankan bagi memahami perbezaan cabaran dan peluang dalam melaksanakan PPI pada peringkat pendidikan yang berbeza. Akhirnya, pembangunan model kepimpinan guru berasaskan sekolah untuk Program Pendidikan Inklusif perlu diberi perhatian bagi memastikan guru mendapat sokongan berterusan dalam meningkatkan kemahiran dan kepakaran mereka. Kajian-kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada usaha memperbaiki dan memperkukuh amalan PPI di Malaysia pada masa hadapan.

7. Kesimpulan

Kesediaan guru, khususnya mereka yang direkrut secara one-off, memainkan peranan penting dalam kejayaan pelaksanaan PPI di sekolah rendah. Walaupun Polisi Zero Reject telah membuka peluang kepada MBPK untuk belajar dalam persekitaran arus perdana, cabaran yang dihadapi oleh guru dari sudut kompetensi dan motivasi masih memerlukan perhatian serius. Tanpa pembangunan profesional yang berkesan, guru mungkin sukar untuk menyesuaikan amalan pengajaran mereka dengan keperluan pelbagai murid dalam kelas inklusif.

Kajian ini menekankan bahawa pembangunan profesional sendiri adalah salah satu elemen kritikal dalam meningkatkan kompetensi dan keyakinan guru. Sokongan teknikal, motivasi yang berterusan, serta peluang kepimpinan adalah komponen penting yang perlu diberikan perhatian bagi memastikan guru dapat berfungsi dengan berkesan dalam persekitaran inklusif. Di samping itu, pentadbiran sekolah dan pihak berkepentingan perlu memainkan peranan aktif dalam menyediakan sistem sokongan yang relevan dan berterusan bagi guru-guru.

Secara keseluruhannya, kejayaan PPI bukan sahaja bergantung kepada dasar dan polisi, tetapi juga kepada guru-guru yang berupaya untuk melaksanakan amalan inklusif secara konsisten. Oleh itu, kajian ini mengemukakan cadangan untuk memperkukuh pembangunan profesional terutamanya untuk guru *one-off* dan memastikan mereka mendapat latihan dan sokongan yang mencukupi untuk menghadapi cabaran dalam melaksanakan PPI. Usaha-usaha ini diharapkan dapat memantapkan lagi pelaksanaan PPI dan memastikan semua murid, termasuk MBPK, menerima peluang pembelajaran yang adil dan bermakna.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana memberikan sokongan untuk kajian ini. Penulis juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan kerjasama sepanjang penulisan artikel ini. Semoga penulisan artikel ini dapat dijadikan panduan dan rujukan untuk semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan pendidikan untuk MBPK.

Rujukan

- Ag-Ahmad, N., Mohamed, A., & Bakar, E. (2022). Support Needed for Language Teachers' Professional Development in Malaysia: A Narrative Review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i5/13099>
- Alshoura, H. (2021). Critical Review of Special Needs Education Provision in Malaysia: Discussing Significant Issues and Challenges Faced. *International Journal of*

- Disability, Development and Education*, 70, 869–884. <https://doi.org/10.1080/1034912X.2021.1913718>
- Chin, M. (2020). The Zero Reject policy: A way forward for inclusive education in Malaysia?. *International Journal of Inclusive Education*, 27, 526–540. <https://doi.org/10.1080/13603116.2020.1846800>
- Faizy, K., & Ahmad, J. (2023). Teachers' leadership in inclusive education in Johor Bahru, Malaysia. *International Journal of Science and Research Archive*. <https://doi.org/10.30574/ijrsra.2023.10.1.0847>
- Istiyati, S., Marmoah, S., Poerwanti, J., & Mahfud, H. (2023). Comparative Study of Education for Children with Special Needs in Malaysia and Indonesian Primary Schools. *Jurnal Penelitian Pendidikan IPA*. <https://doi.org/10.29303/jppipa.v9i10.5210>
- Lan, Y. (2022). The Role of Teachers' Grit and Motivation in Self-Directed Professional Development. *Frontiers in Psychology*, 13. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.922693>
- Lu, J., Jiang, H., & Huang, Y. (2022). Inclusive EFL Teaching for Young Students with Special Needs: A Case in China. *Children*, 9. <https://doi.org/10.3390/children9050749>
- Nasri, N., Husnin, H., Mahmud, S., & Halim, L. (2020). Mitigating the COVID-19 Pandemic: A Snapshot from Malaysia into the Coping Strategies for Pre-Service Teachers' Education. *Journal of Education for Teaching*, 46, 546–553. <https://doi.org/10.1080/02607476.2020.1802582>
- Ograjšek, S., Kurnik, T., & Mithans, M. (2022). Use of the Individual Educational Plan by Teachers in Slovenian Primary Schools. *Hrvatska Revija Za Rehabilitacijska Istraživanja*, 58(2), 89–103. <https://doi.org/10.31299/hrri.58.2.6>
- Othman, M., Rahmat, N., Aziz, N., & Sukbunpant, S. (2022). Educational Right for Children with Special Needs: A Comparison Between Malaysia and Thailand. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*. <https://doi.org/10.21834/ebpj.v7i19.2451>
- Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 Lantikan Secara Contract of Service (COS) Tahun 2023-Graduan Bukan Pendidikan. Di akses pada 25 Mac 2024, daripada <https://www.moe.gov.my/pegawai-perkhidmatan-pendidikan-gred-dg41-lantikan>
- Portal Rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan. (2022). Pengumuman Pengambilan Khas Secara One-Off. Di akses pada 26 Mac 2024, daripada <https://www.spp.gov.my/ms/pengumuman/2022/pengumuman-guru/pengumuman-pengambilan-khas-secara-one-off>
- Rashid, S., & Wong, M. (2022). Challenges of Implementing the Individualized Education Plan (IEP) for Special Needs Children with Learning Disabilities: Systematic Literature Review (SLR). *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 22(1), 2–18. <https://doi.org/10.26803/ijlter.22.1.2>
- Rosmalily, S., & Woollard, J. (2019). Towards Inclusive Training for Inclusive Education: Teachers' Views About Effective Professional Development for Promoting Inclusive Education. *INTED2019 Proceedings*. <https://doi.org/10.21125/inted.2019.0324>
- Stentiford, L., & Koutsouris, G. (2022). Critically Considering the 'Inclusive Curriculum' in Higher Education. *British Journal of Sociology of Education*, 43, 1250–1272. <https://doi.org/10.1080/01425692.2022.2122937>
- Wenning, C., & Vieyra, R. (2020). Professional Practice and Growth. *AIP Conference Proceedings*. https://doi.org/10.1063/9780735422056_013
- Husin, S. (2020). Teacher Recruitment, Selection, and Promotion: The Role of Teachers' Unions in Malaysia. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 5(1), 48–58. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v5i1.4817>